

# Susilo hargai Malaysia

Daripada SOPHA SULAIMAN

**JAKARTA** 16 Dis. - Presiden Indonesia, Susilo Bambang Yudhoyono melahirkan rasa puas hati terhadap perkara-perkara yang disepakati bersama dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kerana ia telah dilaksanakan dengan baik.

Perkara itu disampaikan oleh Susilo ketika menerima kunjungan hormat Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak di Istana Presiden di sini hari ini.

Menurut Najib, Susilo melahirkan penghargaan kepada Malaysia kerana memberi sumbangan dalam usaha memulihkan wilayah Aceh yang dilanda tsunami dua tahun lalu.

"Beliau (Susilo) juga berterima kasih di atas peranan kita dalam Misi Pemantauan Aceh (AMM)," katanya kepada wartawan Malaysia di sini hari ini.

Najib yang juga Menteri Pertahanan berada di Jakarta sejak kelmarin untuk menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Am Sempadan (GBC) Malaysia-Indonesia Ke-35 yang berlangsung semalam.

Menurut Najib, beliau juga dimaklumkan oleh Presiden Indonesia itu bahawa syarikat penerbangan Indonesia, Garuda akan menambah

Um - 17/12/2006  
penerbangan ke Malaysia bagi menggalakkan sektor pelancongan.

"Selain Garuda, syarikat penerbangan tambang murah Indonesia juga mungkin mengkaji untuk mengadakan penerbangan ke beberapa destinasi di Malaysia," katanya.

Menurutnya, Indonesia bersetuju untuk meningkatkan hubungan dua hala terutama dalam sektor pelancongan sejajar dengan kempen Tahun Melawat Malaysia 2007.

Mengenai jerebu, kata Najib, Indonesia telah membuat persediaan awal untuk menghadapi ancaman itu tahun depan dan mengalu-alukan sumbangan bantuan peralatan dari Malaysia serta negara ASEAN yang terlibat dengan jerebu.

"Kita juga akan mengkaji untuk menghantar pasukan bomba ke Indonesia bagi memadam kebakaran hutan selain menyediakan pesawat pemadam api yang disewa," kata Najib.

Mengenai pelaburan Malaysia ke Indonesia, Timbalan Perdana Menteri berkata, beliau menjelaskan kepada Susilo bahawa pelabur Malaysia berasa senang untuk membuat pelaburan di sini.

"Mereka bersedia untuk menjalankan projek sosial bagi kesejahteraan penduduk apabila memperolehi keuntungan," katanya.

- Mingguan